

# Pendedahan Risiko

Tarikh Kuat Kuasa

01.02.2017

Semua Klien dan bakal Klien mesti membaca dengan teliti pendedahan risiko ini sebelum melengkapkan pendaftaran di Laman Web atau terminal perdagangan dan sebelum mereka mula membuat dagangan.

Tujuan Pendedahan Risiko ini (selepas ini Pendedahan) adalah untuk menzahirkan kepada Klien maklumat tentang risiko yang berkaitan dengan transaksi di pasaran kewangan secara umum dan dengan opsyen secara khususnya dan untuk memberi amaran kepada Klien tentang kerugian kewangan yang berkemungkinan serta risiko yang berkenaan. Senarai risiko yang diberikan dalam Pendedahan ini adalah tidak lengkap kerana terdapat pelbagai keadaan yang mungkin timbul semasa transaksi dijalankan. Tujuan pendedahan ini adalah untuk tujuan pemakluman. Ia bertujuan untuk memberikan penjelasan umum berkenaan risiko yang berkaitan dengan opsyen.

1. Klien mengakui bahawa transaksi opsyen adalah spekulatif dan pelaburan yang sangat berisiko dan hanya sesuai untuk pelabur yang:

- memahami dan bersedia menanggung risiko ekonomi, undang-undang dan risiko lain,
- mengambil kira kedudukan kewangan mereka, sumber dan kewajipan kewangan, mampu menanggung risiko kehilangan pelaburan mereka,
- mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk memahami apa itu dagangan opsyen. Syarikat tidak memberi Klien sebarang cadangan atau nasihat berkenaan opsyen dan tidak memberi sebarang jenis cadangan pelaburan. Klien sendiri membuat keputusan tentang strategi perdagangan dan tindakan khusus berdasarkan pemahamannya berkenaan pasaran atau perundingan dengan penasihat kewangan bebas yang tidak bersekutu dengan Syarikat. Opsyen adalah instrumen kewangan derivatif, harganya ditentukan daripada harga aset pendasar/pasaran yang berkaitan dengannya (cth. matawang, indeks saham, saham, logam, futures, dll.). Bagi tujuan ini, ia adalah sangat penting supaya klien memahami risiko yang berkaitan dengan perdagangan dalam aset/pasaran pendasar yang sesuai. Beberapa risiko adalah: -Volatiliti– pergerakan aset/pasaran pendasar boleh menjadi tidak stabil dan tidak dapat diramalkan. Hakikat ini mempunyai kesan langsung terhadap keputusan kewangan Klien. Memahami volatiliti pasaran membolehkan Klien menganalisis keuntungan berpotensi dan membangunkan strategi perdagangan. - Naik turun pasaran – perubahan harga aset pendasar secara tiba-tiba dari satu tahap ke tahap lain. Pelbagai faktor boleh menyebabkan perubahan mendadak (cth. kejadian ekonomi, pengumuman pasaran). Faktor-faktor ini boleh berlaku semasa pasaran terbuka atau tertutup Apabila faktor-faktor ini wujud pada pasaran tertutup, harga aset pendasar dijejaskan oleh faktor bahawa pembukaan pasaran boleh berbeza secara ketara daripada harga aset pendasar pasaran tertutup. Ia mungkin mustahil untuk menutup posisi terbuka pada

harga yang menguntungkan. Ini boleh mengakibatkan kedua-dua kerugian tinggi dan juga keuntungan tinggi.

-Kecairan: nilai opsyen bergantung pada beberapa faktor, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perubahan nisbah bekalan dan permintaan, program dan strategi kerajaan, pertanian, komersial dan perdagangan, dasar nasional dan antarabangsa dan kejadian ekonomi, dan mood psikologi yang wujud dalam pasaran yang berkaitan. Keadaan pasaran boleh berubah dengan mendadak dalam tempoh yang singkat, akibatnya, adalah mungkin untuk Klien membuat keuntungan yang dijangka daripada beberapa pasaran tertentu.

2. Klien menanggung risiko kerugian kewangan yang berkaitan dengan kegagalan, gangguan, sambungan terputus atau serangan berniat jahat pihak ketiga berkenaan maklumat, komunikasi, elektrik, elektronik dan sistem lain yang digunakan untuk melaksanakan transaksi. Antara risiko lain, Klien menanggung risiko kerugian berikut yang disebabkan oleh:

-kegagalan bekalan kuasa dan/atau peralatan di pihak Klien atau pembekal perkhidmatan komunikasi Klien (secara khususnya komunikasi suara);

- kerosakan fizikal (atau pemusnahan) saluran komunikasi yang digunakan untuk komunikasi penyedia perkhidmatan dan pembekal Klien (penyedia perkhidmatan komunikasi) dan pelayan Klien,

-kegagalan (kualiti amat rebdah) pindahan melalui saluran yang digunakan oleh Klien atau saluran yang digunakan oleh pembekal atau penyedia perkhidmatan komunikasi (secara khususnya komunikasi suara) yang digunakan oleh Klien;

- penggunaan saluran, peralatan dan perisian komunikasi yang tidak menjamin penerimaan atau penerimaan tepat pada masanya berkenaan mesej (secara khususnya mesej teks) dari Syarikat oleh Klien;

-kegagalan (kualiti amat rendah) komunikasi melalui saluran yang digunakan oleh Syarikat, secara khususnya kerosakan fizikal (pemusnahan) saluran komunikasi oleh pihak ketiga.

3. Klien sedar bahawa aktiviti perdagangannya mungkin terdedah kepada risiko yang berkait dengan rangkaian, termasuk kegagalan perkakasan, perisian, pelayan, saluran komunikasi dan internet. Sebarang kegagalan mungkin menyebabkan pesanan Klien yang tidak dipenuhi menurut arahan / pesannya. Syarikat tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku kegagalan sedemikian.

4. Klien memahami bahawa internet mungkin tertakluk kepada kejadian yang menjejaskan aksesnya ke laman web Syarikat dan terminal perdagangan, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gangguan atau kegagalan perisian dan perkakasan, pemadaman internet, bekalan kuasa terputus atau serangan penggadam. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk apa-apa kerosakan atau kerugian yang berlaku daripada kejadian yang di luar kawalan atau untuk apa-apa kerosakan, perbelanjaan, liabiliti lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan keuntungan) yang mungkin berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan Klien untuk mengakses laman web Klien atau kelewatan atau kegagalan menghantar pesanan.

5. Apabila berdagang menerusi terminal perdagangan, Klien menanggung risiko kerugian kewangan yang mungkin timbul akibat: - kegagalan perkakasan dan

perisian, kegagalan peranti dan kualiti rendah perkhidmatan komunikasi di pihak Klien; - kerosakan peralatan Klien.

6. Klien mengakui bahawa dalam keadaan pasaran yang luar biasa, pemprosesan pesanan klien mungkin lebih lama.

7. Klien mengakui bahawa hanya satu permintaan dan pesanan boleh berada dalam barisan permintaan/pesanan pada pelayan. Percubaan untuk menghantar permintaan atau pesanan baru akan ditolak.

8. Klien mengakui bahawa sumber tunggal maklumat yang boleh dipercayai tentang harga aset adalah Pelayan Syarikat. Harga aset pada terminal perdagangan Klien tidak boleh digunakan sebagai sumber maklumat harga yang boleh dipercayai kerana, jika sambungan antara terminal perdagangan Klien dan Pelayan Syarikat menjadi tidak stabil, beberapa sebut harga aset mungkin tidak mencapai terminal perdagangan Klien.

9. Klien mengakui bahawa menutup tettingkap pelayar web tidak akan mebatalkan pesanan atau permintaan yang telah diterima oleh Klien untuk pemprosesan.

10. Klien menanggung risiko membuat dagangan yang tidak terancang jika dia menghantar semula pesanan sebelum menerima maklumat tentang keputusan pemprosesan pesanan sebelumnya.

11. Klien menanggung risiko sebarang kerugian kewangan yang disebabkan oleh kegagalannya untuk menerima atau penerimaan tertanggung mana-mana mesej daripada Syarikat.

12. Klien mengakui bahawa maklumat yang dihantar melalui e-mel yang disulitkan tidak dilindungi daripada akses yang tidak dibenarkan.

13. Klien bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat yang diterima olehnya daripada Syarikat dan menanggung risiko untuk sebarang kerugian kewangan yang disebabkan oleh akses yang tidak dibenarkan oleh pihak ketiga ke akaun perdagangannya. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk akses pihak ketiga yang tidak dibenarkan ke maklumat, termasuk e-mel, komunikasi elektronik, maklumat peribadi dan data akses yang berlaku pada masa pemindahan antara Syarikat atau mana-mana pihak lain menggunakan Internet atau rangkaian komunikasi lain, telefon, atau apa-apa kaedah elektronik lain.

14. Klien menanggung risiko kerugian kewangan (kerosakan) yang disebabkan oleh kejadian force majeure, yang ditentukan sebagai tindakan, kejadian atau fenomena, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- mogok, rusuhan, ketidakternteraman orang awam, serangan pengganas, perang, bencana alam, kemalangan, kebakaran, banjir, ribut, hurikan, potongan bekalan kuasa, kegagalan komunikasi, perisian atau peralatan elektronik, menurut pendapat munasabah Syarikat, menyebabkan ketidakstabilan pasaran atau pasaran satu atau beberapa instrumen;

- penggantungan, kecairan atau penutupan mana-mana pasaran atau ketiadaan sebarang kejadian yang mana menjadi dasar sebut harga oleh Syarikat, atau pengenaan atau sekatan atau syarat-syarat dagangan istimewa atau bukan standard, dan juga pelaksanaan transaksi dalam mana-mana pasaran atau berkenaan dengan mana-mana kejadian sedemikian

15. Klien menanggung risiko kewangan dan risiko lain sekiranya transaksi (dan tindakan berkenaan) pada pasaran kewangan dilarang atau dihadkan oleh undang-undang negara tempat tinggal tetap Klien.

16. Syarikat tidak menjamin bahawa aktiviti Klien yang berkaitan dengan perdagangan opsyen adalah tidak atau tidak akan tertakluk kepada cukai di masa hadapan. Klien bertanggungjawab untuk pembayaran sebarang cukai dan/atau apa-apa caj lain yang mungkin terakru berkenaan dagangannya. Syarikat tidak akan menyediakan Klien dengan apa-apa saranan undang-undang, cukai atau lain-lain berkenaan dengan mana-mana dagangan. Jika Klien mempunyai sebarang keraguan tentang sama ada dia boleh menanggung sebarang kewajipan cukai, beliau perlu berunding dengan seorang pakar bebas.

17. Syarikat tidak menanggung liabiliti untuk apa-apa tindakan atau sebaliknya oleh pihak ketiga yang mana melaluinya wang dihantar oleh Klien untuk pengisian semula Akaun Klien atau pengeluaran oleh Klien dari Laman Web.

18. Dari masa ke masa, mengikut budi bicara tunggalnya, Syarikat boleh menyediakan Klien dengan maklumat, cadangan, berita, ulasan atau maklumat lain tentang pasaran bagi tujuan pemakluman.

Sekiranya ini berlaku:

- Syarikat tidak akan bertanggungjawab untuk maklumat ini;

- Syarikat tidak memberi sebarang jaminan berkenaan ketepatan dan kesempurnaan maklumat sedemikian;

- maklumat ini hanya diberikan untuk membolehkan Klien membuat keputusan pelaburan sendiri dan bukan merupakan nasihat pelaburan;

- jika suatu dokumen mengandungi sekatan berhubung dengan orang atau kategori orang bagi siapa ia ditujukan atau berkenaan, Klien bersetuju untuk tidak menyerahkan maklumat ini kepada orang atau kategori orang tersebut;

- Syarikat tidak memberi jaminan bahawa Klien akan menerima maklumat sebelum ia menjadi maklumat ketinggalan. Klien membuat keputusan tentang penggunaan maklumat ini dalam pembuatan keputusannya sendiri. Maklumat yang dipaparkan oleh Syarikat boleh diubah atau dipadam pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan terlebih dahulu kepada Klien.

19. Syarikat tidak akan menasihatkan Klien mengenai keuntungan suatu transaksi atau menyediakan nasihat pelaburan dalam apa-apa bentuk selain daripada menyediakan maklumat tentang keadaan semasa pasaran kewangan. Isyarat Perdagangan yang diberikan oleh Syarikat kepada Klien di bawah Perjanjian bukan merupakan tawaran dan bukan cadangan eksplisit agar Klien melibatkan diri dalam transaksi perdagangan dan/atau membuat dagangan, dan tidak merupakan maklumat objektif dan boleh dipercayai yang mana Syarikat bertanggungjawab kepada Klien dan pihak ketiga, dan bukan merupakan perundingan profesional. Klien sendiri, atas risiko sendiri, akan menyelesaikan dagangan dan membuat keputusan yang sesuai berdasarkan pertimbangannya sendiri. Dengan menghantar pesanan kepada Syarikat untuk membuat dagangan, Klien mengiktiraf bahawa dia bertanggungjawab sepenuhnya untuk penilaian persendirian dan kajian mengenai risiko dagangan. Klien mengesahkan bahawa dia mempunyai pengetahuan pasaran yang mencukupi, telah menerima, jika perlu, nasihat

profesional, dan mempunyai pengalaman yang perlu untuk membuat penilaian sendiri berkenaan merit dan risiko sebarang transaksi. Dengan mengambil kira perkara yang dinyatakan di atas, Syarikat mencadangkan supaya Klien mempertimbangkan secara berhati-hati sama ada risiko yang timbul apabila membuat transaksi boleh diterima, mengambil kira tujuan dan kemampuan kewangan Klien. Pendedahan ini tidak bertujuan untuk menghalang Klien daripada melaksanakan transaksi (dagangan dengan opsyen) tetapi bertujuan untuk membantu Klien menilai risiko yang berkenaan dengan pelaksanaan transaksi berikut serta pendekatan bertanggungjawab pemilihan strategi dalam context pelaksanaan Perjanjian dengan Syarikat.